KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

SIARAN AKHBAR

MAJLIS BERTAHLIL BAGI AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR ‘ALI SAIFUDDIEN SA’ADUL KHAIRI WADDIEN, AL-MARHUMAH DULI RAJA ISTERI PENGIRAN ANAK DAMIT DAN AL-MARHUM DULI YANG TERAMAT MULIA PADUKA SERI PENGIRAN MUDA HAJI ‘ABDUL ‘AZIM DI KUBAH MAKAM DIRAJA BAGI PEGAWAI-PEGAWAI DAN KAKITANGAN LELAKI; DAN MAJLIS CERAMAH KHAS BAGI PEGAWAI-PEGAWAI DAN KAKITANGAN WANITA KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI SERTA JABATAN-JABATAN DI DALAMNYA SEMPENA BULAN RAMADHAN TAHUN 1444H/2023M

Hari Rabu, 7 Ramadhan 1444H / 29 Mac 2023M

Kementerian Kewangan dan Ekonomi serta Jabatan-Jabatan di dalamnya telah mengadakan Majlis Bertahlil bagi Al-Marhum Sultan Haji Omar ‘Ali Saifuddien Sa’adul Khairi Waddien, Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit dan Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji ‘Abdul ‘Azim sempena bulan Ramadhan 1444 Hijrah bersamaan 2023 Masihi bertempat di Kubah Makam Diraja, Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan.

Hadir selaku Tetamu Kehormat bagi Majlis Bertahlil ialah Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Khairuddin bin Haji Abdul Hamid, Pemangku Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II. Turut hadir ialah Yang Mulia Awang Haji Asrul Adrain bin Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Dr Haji Ahmad, Pemangku Setiausaha Tetap (Fiskal I), Yang Mulia Awang Mohammad Harris bin Brigadier Jeneral (Rtd) Dato Paduka Haji Ibrahim, Timbalan Setiausaha Tetap (Perdagangan dan Industri), Ketua-Ketua Jabatan dan Bahagian, pegawai dan kakitangan lelaki yang beragama Islam daripada Kementerian Kewangan dan Ekonomi serta Jabatan-Jabatan di dalamnya termasuk Pejabat Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Yaasiin dan diikuti dengan bacaan tahlil beramai-ramai yang dipimpin oleh Yang Mulia Pengiran Haji Mohd Hafizuddin bin Pengiran Haji Abu Bakar, Pegawai Pemantau Zon 4, Pegawai Hal Ehwal Masjid Daerah, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Manakala pada masa yang sama, pegawai-pegawai dan kakitangan wanita Kementerian Kewangan dan Ekonomi serta Jabatan-Jabatan di dalamnya termasuk pegawai dan kakitangan Pejabat Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah mengadakan Majlis Ceramah Khas sempena Bulan Ramadhan di Dewan Teater, Bangunan Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

Hadir selaku Tetamu Kehormat semasa Majlis Ceramah Khas ialah Yang Mulia Pengiran Datin Seri Paduka Hajah Zety Sufina binti Pengiran Dato Paduka Haji Sani, Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Fiskal). Turut hadir Yang Mulia Dayang Hajah May Fa’ezah binti Haji Ahmad Ariffin, Setiausaha Tetap (Ekonomi, Perdagangan dan Industri), Ketua-Ketua Jabatan dan Bahagian, pegawai dan kakitangan wanita yang beragama Islam.

…/2

Ceramah Khas yang bertajuk "*A Soulful Ramadhan* atau Ramadhan yang bermakna" telah disampaikan oleh Yang Mulia Ustazah Siti Hanisah binti Haji Othman, Pegawai Pelajaran, Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah selaku penceramah undangan. Di antara inti pati ceramah adalah untuk sentiasa beringat dan menjaga batas dalam membina jasmani yang sihat, setiap orang perlulah juga menitikberarkan kesihatan rohani dengan memperbanyakkan bacaan Al-Qur'an, zikir, solat dan lain-lain lagi.

Majlis-majlis seumpama ini adalah merupakan aktiviti keagamaan tahunan Kementerian Kewangan dan Ekonomi bersempena bulan Ramadhan. Tahun ini, majlis diselenggarakan oleh Bahagian Pelaburan, Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

Kementerian Kewangan dan Ekonomi
Negara Brunei Darussalam

Tarikh: 7 Ramadhan 1444H
29 Mac 2023M